

05 JUN 2003

Law-Anugerah (Bergambar)

PIHAK BERKUASA TEMPATAN DISERU SAHUT CABARAN ANUGERAH BANDAR LESTARI

PUTRAJAYA, 5 Jun (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar hari ini melancarkan anugerah Bandar Lestari sebagai cabaran kepada pihak berkuasa tempatan mewujudkan persekitaran yang selesa untuk didiami.

Menterinya Datuk Seri Law Hieng Ding berkata Bandar Lestari adalah perbandaran yang disokong secara berterusan oleh pembangunan ekonomi, fizikal dan sosial.

Beliau berkata pada peringkat permulaan penyertaan untuk anugerah itu dibuka kepada ibu negeri di seluruh Malaysia.

"Jika mereka (pihak berkuasa tempatan) tidak menang, penduduk akan mempersoalkan apa kerja mereka. Jadi ini boleh dianggap sebagai cabaran kepada mereka," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Law berkata pembangunan Bandar Lestari melibatkan program bersepadu alam sekitar dan pembangunan di peringkat tempatan.

Katanya penilaian akan dibuat mengikut lima kriteria yang ditetapkan iaitu persekitaran fizikal, inisiatif ekologi, perkhidmatan perbandaran, pentadbiran alam sekitar, pendidikan dan kesedaran.

Menurutnya proses penilaian akan dilaksanakan sepanjang tahun di peringkat perancangan dan operasi dengan mengambil kira pandangan penduduk tempatan.

Mengenai projek Lembah Bio di Dengkil, Law berkata pihaknya menyokong sepenuhnya cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempelawa negara Jepun untuk memberi kerjasama khususnya khidmat nasihat dan kepakaran mereka dalam projek berkenaan.

"Kita mengalu-alukan mana-mana pihak yang ingin memberi kerjasama kepada Malaysia dalam membina projek Lembah Bio itu," katanya.

Katanya setakat ini beberapa negara telah menyuarakan hasrat untuk memberi kerjasama dalam projek Lembah Bio itu antaranya negara-negara Eropah, Perancis, Itali, Amerika Syarikat dan China.

-- BERNAMA

SHI SSA KHY RHM